

**Konflik nelayan pantai di pulau-pulau di sekitar Mersing
(Challenges of small-scale coastal fishermen in the islands around Mersing)**

Azima Abdul Manaf, Mohd Samsudin, Suhana Saad, Kamariah Mokhtaraji

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Received 1 Mac 2012; accepted 15 April 2012

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana nelayan pantai di pulau-pulau disekitar Mersing mengalami konflik sosio-ekonomi bagi tujuan kelangsungan hidup. Konflik sosio-ekonomi nelayan pantai wujud setelah pihak kerajaan mengumumkan penubuhan taman –taman Laut. Penubuhan taman-taman telah mengazetkan beberapa akta antaranya termasuklah Akta Taman Laut 1985. Akta tersebut telah mengariskan beberapa peruntukan tertentu yang akhirnya memberi implikasi yang besar terhadap keadaan sosio-ekonomi penduduk setempat. Bagi menjelaskan wujudnya konflik nelayan pinggir pantai di kawasan kajian maka metod kajian secara kualitatif telah digunakan. Tembual mendalam dengan nelayan pantai yang terlibat telah dijalankan. Analisis mendapati terdapat beberapa peruntukan yang menimbulkan konflik sosio-ekonomi penduduk setempat antaranya rekabentuk rezab taman laut, kesejahteraan dan keserasian masyarakat setempat serta zon perikanan seperti mana yang termaktub dalam peruntukan yang sedia ada. Konflik nelayan kecil ini menjelaskan bahawa wujudnya kepentingan yang berbeza antara peruntukan taman laut dengan keperluan penduduk setempat.

Katakunci: Taman laut, konflik, nelayan pantai, kelangsungan hidup, sosio-ekonomi nelayan

ABSTRACT

This study aims to evaluate the extent of socio-economic conflicts for the survival livelihood faced by the fishermen at the Mersing Islands. These conflicts existed since the announcement of the establishment of Marine Park by Malaysian government. The establishment of marine parks introduces a number of acts, included the Marine Park Act 1985. This act outlines several specific provisions that ultimately have wide implications for the socio-economic interest of the residents. This study uses qualitative method to obtain information that can be used to explain the socio-economic challenges confronting coastal fishermen. In-depth interviews with the affected fishermen were conducted. The analysis found that there were several provisions that have created socio-economic problems among local people. These include the design of marine park reserve, the well-being and comfort of the local community and fisheries zone as per the existing provisions. The findings of the study show that there is therefore a conflict between the need to introduce marine park provisions and the need and interests of small scale fishermen.

Keywords: Marine Park, conflicts, coast fishermen, survival, socio-economic life of fishermen

PENGENALAN

Pada tahun 1983 Kementerian Pertanian Malaysia melalui Jabatan Perikanan telah menubuhkan Taman Laut Negara. Tujuan penubuhannya timbul ekoran daripada kesedaran bahawa sumber perikanan daripada laut telah mula mengalami penyusutan. Sehubungan itu beberapa usaha telah dilakukan bagi mempertingkatkan sumber perikanan, kawasan terumbu karang yang merupakan tempat membiak perlu dipelihara dan dilindungi bagi memastikan hasil laut boleh dinikmati oleh generasi seterusnya. Justeru pada tahun 1994 dianggarkan 40 buah pulau diseluruh Malaysia telah digazetkan sebagai taman laut antaranya termasuklah Kepulauan Pulau Tinggi di Johor. Namun demikian pewartaan taman laut yang diperuntukan di bawah seksyen 41 hingga 45 telah menimbulkan konflik sosio-ekonomi nelayan di kawasan sekitar pulau-pulau Mersing.

Antara masalah sosio-ekonomi penduduk setempat yang dikenalpasti merangkumi kesukaran untuk mendapatkan hasil laut yang dulunya merupakan pekerjaan tradisi utama mereka. Keadaan ini akhirnya membentengi nelayan-nelayan kecil yang di kawasan yang telah digazetkan. Keadaan ini seterusnya mencetuskan konflik nelayan pantai sama ada mahu terus berada di pulau yang telah digazetkan atau mula mengorak langkah keluar dan berhijrah ke kawasan lain. Pengezonan perairan laut sejauh 2 batu nautika terhadap pulau-pulau yang telah digazetkan menyebabkan punca rezeki nelayan pantai menjadi semakin kurang. Batasan ruang untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan akhirnya mencetuskan konflik sosio-ekonomi nelayan pantai di kawasan perairan Mersing seperti kemiskinan.

Konflik nelayan pantai di kawasan yang digazetkan sebagai taman laut di Malaysia didapati selari dengan dapatan kajian oleh Pomeroy et.al (2006) yang menjelaskan bahawa komuniti pinggir pantai di kebanyakan lokasi yang diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin berhadapan dengan masalah antaranya kemiskinan. Fenomena ini berkait rapat dengan masalah kebergantungan yang tinggi penduduk pulau terhadap sumber semulajadi yang terdapat di kawasan yang telah digazetkan. Penelitian yang sama juga diperoleh oleh Azima et. al (2011), Pomeroy et.al (2006), Indab (2004), Cinner.R (2003), Nick & Bridgid (2003), Irene (2002) dan James et. al (2002) di mana dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya impak negatif terhadap penduduk apabila sesebuah kawasan pulau diisytiharkan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (*Marine Protected Area (MPA)*). Justeru itu, kajian ini akan mengupas beberapa peruntukan/akta taman laut yang menjadi faktor penghalang kepada penduduk setempat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Keadaan ini akhirnya mencetuskan konflik kepada nelayan pantai di kawasan sekitar pulau-pulau Mersing.

.

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan pengumpulan maklumat dengan menggunakan metod temubual secara bersemuka dan mendalam dengan nelayan pantai di Pulau Balang, Pulau Tinggi dan Pulau Aur. Temubual dengan nelayan pantai ini di pulau berkenaan amat terhad kerana ramai di kalangan nelayan pantai di pulau berkenaan telah pun berhijrah keluar ke pekan Mersing. Selain itu, temubual dengan pegawai yang berkaitan seperti Pejabat Daerah juga turut dikendalikan bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung konflik nelayan pantai dan kaitannya dengan penghijrahan mereka ke pekan Mersing dan kawasan sekitarnya.

Konflik

Berasal daripada perkataan Latin *conflictus* yang membayangkan lahirnya ketidaksetujuan terhadap sesuatu perkara disamping mewujudkan pergeseran dan perselisihan antara ahli dalam kumpulan. Antara lain konflik juga disebabkan oleh perbezaan fahaman dan ideologi antara individu dalam kumpulan (Hewatone et.al 2001). Tahap-tahap dalam konflik pada peringkat awalnya melibatkan krisis, ketegangan, salah faham yang akhirnya menjurus kepada ketidakselesaan individu yang berada dalam sesebuah kumpulan.

Situasi ini bersesuaian dengan pandangan Oberschall (1973) yang menyatakan konflik merupakan warisan kehidupan sosial yang boleh berlaku dalam pelbagai keadaan akibat berbangkitnya keadaan ketidaksetujuan, kontroversi dan pertentangan di antara dua pihak atau lebih secara berterusan. Sehubungan itu, konflik sentiasa berpusat pada beberapa penyebab utama, yakni melibatkan tujuan yang hendak dicapai, lokasi sumber-sumber yang dibahagi, keputusan yang diambil, mahupun perilaku setiap pihak yang terlibat (Klandermans 1997).

Konflik merujuk kepada pertentangan, ketidaksetujuan, salah faham serta perselisihan yang akhirnya akan membangkitkan pertentangan antara dua pihak yang berkepentingan. Pertentangan, salah faham mahupun perselisihan antara nelayan pantai dengan pihak yang bertanggungjawab dalam menyedia akta mahupun peruntukan tertentu dilihat telah menjadi faktor pencetus kepada nelayan di kawasan terbabit. Hal ini akhirnya telah memberi implikasi yang besar terhadap kelangsungan hidup nelayan pantai di sekitar kepulauan Mersing. Kajian oleh Azima et al. (2011), Pomeroy et al. (2006), Indab (2004), Irene (2002), Nick & Bridgid (2003), Cinner (2003) dan James et al. (2002) menjelaskan wujudnya konflik dalam konteks kelangsungan hidup apabila rata-rata nelayan di kawasan pengazetan berada dalam keadaan miskin dan terpinggir. Sehubungan itu kajian ini juga akan menumpu kepada faktor yang mendorong wujudnya konflik nelayan pantai di kawasan kajian.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Konflik nelayan pantai yang melibatkan ketidaksetujuan, salah faham serta perselisihan penduduk setempat tercetus sebaik sahaja pulau berkenaan diwartakan sebagai taman laut pada tahun 1986. Cetusan ketidaksetujuan, salah faham serta perselisihan penduduk di pulau-pulau berkenaan lebih menjurus kepada kekangan beberapa peruntukan yang telah dibentuk bagi membangunkan serta melindungi kawasan taman laut. Hambatan peraturan mahupun peruntukan yang digunakan bagi melindungi pewartaan taman laut telah menyebabkan nelayan pantai semakin terhimpit. Kewujudan beberapa peruntukan telah menyebabkan wujudnya batasan terhadap keperluan *survival* nelayan pantai di kawasan perairan Mersing. Pemerhatian di beberapa buah pulau dan temubual dengan beberapa orang nelayan pantai sekitar Mersing mendapat terdapat beberapa peruntukan yang telah mendorong berlakunya konflik antaranya rekabentuk rezab laut, zon perikanan, kesejahteraan dan keselesaan penduduk serta Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Konflik penduduk dengan rekabentuk rezab laut

Akta perikanan diwujudkan untuk menjadikan industri perikanan negara mampan. Sehubungan itu, beberapa perkara yang terdapat pada akta perikanan telah diwujudkan.

Antaranya merangkumi pengeluaran lesen, pengisytiharan taman laut atau rezab laut dan Zon Ekonomi (autonomi) Ekslusif (ZEE). Pemakaian MPA adalah bertujuan untuk melindungi dan mengekalkan proses semula jadi, kepelbagaiannya sumber laut, dan habitatnya. Kawasan yang telah digazetkan sebagai MPA ini mempunyai peraturan dan undang-undang tertentu yang telah ditetapkan pada awal penubuhannya. Terdapat beberapa aktiviti yang dilarang dilakukan di kawasan ini seperti memancing, pengambil khazanah laut, perlombongan, pengambilan pasir, pembuangan sampah, dan lain-lain lagi (Ballantine 1999).

Menurut Ngugi (2002) pemakaian MPA telah menyebabkan hasil pendapatan penduduk terutama golongan nelayan semakin berkurangan. Langkah pihak kerajaan dengan mengambil sebahagian daripada kawasan yang menjadi lokasi kegiatan nelayan telah menyebabkan aktiviti nelayan menjadi semakin terhad. Hal ini telah menyebabkan nelayan terpaksa mencari kawasan lain, jauh daripada pantai atau luar daripada MPA yang telah ditetapkan untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan dan mengambil karangan laut.

Pemakaian MPA telah menyebabkan ramai golongan nelayan terpaksa berhenti menjadi nelayan dan mencari pekerjaan lain kerana kekurangan peralatan yang berteknologi untuk menangkap ikan. Jarak tangkapan yang semakin jauh menyebabkan mereka memerlukan penggunaan bot besar, alat *General Packet Radio Service* (GPRS) untuk mengesan lubuk ikan, peti penyimpanan ikan, jaring, enjin bot berkuasa tinggi, peralatan tangkapan ikan dan lain-lain lagi. Menurut Ngugi (2002), golongan nelayan ini tidak mempunyai peluang pekerjaan yang banyak selain menjadi nelayan. Hal ini kerana kebanyakkan daripada nelayan kurang mempunyai kemahiran selain menangkap ikan. Tambahan pula kajian oleh Mustafa et al. (2011) menunjukkan kebanyakkan mereka juga mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Ketiadaan pekerjaan mahupun kemahiran lain menyebabkan pendapatan isi rumah semakin berkurangan. Implikasinya kehidupan nelayan pantai menjadi semakin terhimpit.

Temubual dengan beberapa orang nelayan menjelaskan bahawa kehidupan nelayan kecil kini semakin susah terutama sebaik sahaja kawasan rezab laut diwujudkan. Mantan Penggerusi Perikanan Mersing menjelaskan bahawa Akta Taman Laut Peringkat awal adalah untuk mengelakkan penggunaan pukat tunda. Keadaan ini menyebabkan pengistiyaran tersebut mendapat sokongan daripada nelayan kerana sememangnya pada sebelum pengisytiharan para nelayan memang menghadapi masalah dengan nelayan yang menggunakan pukat tunda.

Namun sebaik sahaja pewartaan mereka mendapati matlamat utama penubuhan taman laut adalah untuk melindungi, memelihara dan mengurus secara berterusan ekosistem marin terutamanya terumbu karang serta flora dan fauna. Perlindungan tersebut bertujuan berkaitan agar ekosistem marin sentiasa terpelihara daripada gangguan dan kerosakan generasi akan datang. Keadaan ini menjelaskan bahawa rekabentuk Taman Laut hanya memberikan penekanan terhadap ekosistem semulajadi hidupan marin tanpa memberikan perhatian terhadap keperluan pulau-pulau yang berpenghuni.

Temubual dangan beberapa orang nelayan pantai daripada Pulau Aur menjelaskan bahawa taman laut telah menjelaskan kebebasan nelayan di kawasan terbabit untuk memperoleh gamat yang menjadi sumber pendapatan utama penduduk di Pulau Aur. Walaupun mereka dibenarkan untuk mengutip gamat dengan cara mendapatkan lesen terlebih dahulu tetapi larangan menperoleh gamat di kawasan taman laut menyebabkan keadaan penduduk menjadi semakin terhimpit. Ada kalanya mereka terpaksa melanggar syarat **taman laut** dan akhirnya dikenakan denda oleh pasukan marin yang bertugas. Keadaan ini sekali lagi menjelaskan bahawa rekabentuk taman laut yang tidak prihatin

dengan nasib nelayan pantai pulau menyebabkan sebahagian besar daripada mereka keluar berhijrah ke kawasan darat Mersing. Masalah yang sama juga dihadapi oleh nelayan kecil daripada Pulau Balang dan Sibu yang turut dilawati oleh pengkaji.

Konflik penduduk dengan zon perikanan

Terdapat empat zon perikanan yang telah diwujudkan melalui perlesenan di mana iaanya berdasarkan jenis alatan ikan, ikan dan kelas vesel. Pembahagian kepada empat zon bertujuan menyediakan kawasan yang sesuai serta mengelakkan konflik antara perikanan tradisional dan komersial.

- Zon A- kurang daripada 5 batu nautika daripada pantai, hanya untuk perikanan kecil-kecilan dengan menggunakan kaedah tradisional dan dioperasikan oleh empunya vesel.
- Zon B – lebih daripada 5 batu nautika daripada pantai. Dioperasikan oleh vesel komersial yang kurang daripada GRT. Enjin dalam penggunaan GRT penggunaan pukat tarik dan tunda dibenarkan.
- Zon C – melebihi 12 batu nautika daripada pantai. Vesel perikanan lebih 40 GRT secara komersial beroperasi. Pukat tarik dan tunda dibenarkan.
- Zon C2 – lebih daripada 30 batu nautika daripada pantai. Vesel perikanan laut dalam 70 GRT dan ke atas dibenarkan beroperasi.

Berdasarkan zon perikanan yang ditelah dikeluarkan, garis panduan menjelaskan bahawa seharusnya tidak wujud konflik antara penduduk tempatan dengan zon perikanan. Setiap zon jelas mengambarkan jenis keterlibatan nelayan dan jenis peralatan yang boleh digunakan.

Namun demikian, temubual dengan beberapa nelayan yang mempunyai peralatan untuk jarak aktiviti kurang daripada 5 batu nautika menjelaskan bahawa mereka mempunyai masalah dengan nelayan pukat tarik dan pukat tunda. Mereka mendakwa, kapal nelayan ini akan memasuki kawasan perairan kurang daripada 5 batu nautika jika sekiranya mereka mendapati tiada pegawai daripada taman laut. Selain itu, mereka juga mendakwa ada di antara perahu tersebut yang akan memasuki perairan pada waktu malam. Keadaan ini benar-benar mengecewakan nelayan yang berada dalam zon A iaitu kurang 5 batu nautika. Apabila hasil laut telah dibawa oleh pukat tunda dan pukat tarik sudah pasti tidak ada hasil laut lagi yang tinggal untuk mereka. Fenomena ikan yang semakin berkurangan akibat daripada kegiatan pukat tunda diakui sendiri oleh responden daripada Pulau Aur. Katanya;

“Ikan yang semakin berkurangan di kawasan perairan kurang daripada 5 batu nautika kerana adanya kegiatan bot pukat tunda dilakukan oleh warga asing berhampiran dengan kawasan taman laut”.

Beliau mendakwa bot kecil tidak dapat pergi ke kawasan laut dalam kerana bot dan kelengkapan memancing yang tidak canggih dan bersesuaian dengan klasifikasi zon yang telah digariskan. Walaupun telah banyak aduan dibuat namun tiada apa-apa tindakan yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa.

Kesukaran menjalankan kegiatan perikanan memaksa nelayan yang terlibat untuk mencari rezeki di lokasi lain seperti ke Kuala Pengaleh ataupun meninggalkan terus usaha mencari rezeki sebagai nelayan. Masalah yang dihadapi mempengaruhi golongan nelayan di pulau-pulau di sekitar Mersing seperti Pulau Aur, Balang mahupun Sibu menerima tawaran daripada pihak kerajaan untuk menyertai tanah rancangan FELDA (Mustaffa et al. 2011).

Konflik kesejahteraan dan keselesaan penduduk.

Sebaik sahaja pulau-pulau di sekitar Mersing digazetkan sebagai taman laut seharusnya kesejahteraan dan keselesaan penduduk setempat semakin baik daripada keadaan sebelumnya. Namun keadaan sebaliknya berlaku terhadap penduduk yang tinggal di kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan taman laut.

Umumnya terdapat tiga kategori pulau yang telah digariskan oleh Bahagian Piawaian Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau di Malaysia.

1. Kategori 1 - Pulau Pembangunan yang merangkumi pulau-pulau yang mempunyai kriteria atau salah satu daripada kriteria seperti berikut:

- 1.1 mempunyai keluasan lebih daripada 90 kilometer persegi dan bilangan penduduk melebihi 20 ribu orang,
- 1.2 merupakan pulau-pulau terpenting yang menjadi “impetus” kepada ekonomi negara dan mempunyai berbagai rancangan pembangunan untuk meningkatkan ekonomi setempat dan negara. Contoh Pulau Pinang, Pulau Labuan dan Pulau Langkawi.

2. Kategori 2 – Pulau Peranginan atau Pulau destinasi pelancongan yang bermaksud pulau yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah pusat pelancongan antarabangsa dan tempatan yang diwartakan sebagai Pulau peranginan oleh pihak berkuasa negeri. Ciri-ciri pulau kategori ini ialah;

- 2.2 pulau-pulau di mana sebahagian besar asas ekonomi setempat bergantung kepada sektor pelancongan,
- 2.3 terkenal di dalam dan luar negara dan menjadi tumpuan pelancongan,
- 2.4 mempunyai sumber-sumber semulajadi dan daya tarikan pelancongan seperti kesan sejarah, warisan dan lain-lain produk pelancongan. Contoh Pulau Langkawi, Pulau Pinang , Pulau Pangkor, Pulau Ketam, Pulau Besar, Pulau Sibu, Pulau Redang, Pulau Sipadan, Pulau Tioman dan sebagainya.

3.Kategori 3 – Pulau Taman Laut dan Pulau dilindungi. Pulau yang diwartakan di bawah *Establishment of Marine Parks Malaysia Order 1994* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan bagi tujuan pemeliharaan dan pelancongan. Had pembangunan bagi taman laut ialah 2 batu nautika (3.2 km) ke sebelah laut dari paras minima air pasang penuh. Contoh Pulau Payar, Pulau Kapas, Pulau Seri Buat, Pulau Harimau dan Pulau Kuruman.

Pulau yang dilindungi pula diklasifikasikan di bawah *Fisheries (Prohibited Areas) Regulations 1994*. Bagi kepulauan ini pemungutan kerang, siput dan batu karang adalah dilarang. Contoh Pulau Nyireh dan Pulau Tenggol di Terengganu, Pulau Talang-Talang Besar, Pulau Talang-Talang kecil dan Pulau Satang Besar di Sarawak.

Jika diperhalusi didapati klasifikasi pulau taman laut dan pulau yang dilindungi secara jelasnya memberikan tekanan terhadap pulau yang berpenghuni berbanding dengan klasifikasi pulau peranginan dan pulau pembangunan.

Sekatan dan peruntukan undang-undang terhadap pulau taman laut dan pulau dilindungi telah memberi implikasi terhadap konflik pembangunan kepada pulau-pulau yang berpenghuni. Had pembangunan yang telah ditetapkan menyebabkan pulau ini memerlukan strategi pembangunan yang mengambilkira lima parameter asas sebagai penentuan piawaian. Salah satu daripada asas penentuan piawaian tersebut termasuklah penyediaan kemudahan untuk kesejahteraan dan keselesaan penduduk setempat. Antaranya termasuklah kemudahan tempat ibadat, kemudahan masyarakat, kemudahan pekerjaan dan perniagaan, kemudahan rekreasi dan alam yang bersih.

Penelitian pengkaji di Pulau Aur, Pulau Balang, Pulau Tinggi dan Pulau Sibu mendapati tidak banyak kemudahan yang disediakan untuk kemudahan penduduk. Kemudahan yang paling ketara yang tidak disediakan adalah sekolah menengah. Hal ini menyebabkan penduduk terpaksa keluar daripada pulau untuk mendapatkan pendidikan bagi anak-anak mereka. Hal ini menjadi alasan kepada penduduk untuk keluar berhijrah daripada pulau. Fenomena yang sama juga dirasai oleh penduduk yang tinggal di Pulau Balang dan Sibu. Didapati antara punca penghijrahan mereka disebabkan oleh mencari keperluan pendidikan anak-anak yang lebih baik. Selain itu, kesukaran mendapatkan kerja di pulau mengheret penduduk pulau untuk tidak menetap lagi di pulau.

Hakikatnya, sebelum pengiktirafan taman laut penduduk mendakwa mereka tidak sukar untuk melakukan kerja-kerja kampung. Antara kerja kampung yang boleh dilakukan termasuklah membuat ikan masin, menjual kelapa, mengambil upah mengerjakan kebun, bekerja di *chalet* sebagai pekerja am. Namun, kini semua yang ada sebelum ini sukar dilakukan menyebabkan kebanyakan mereka tiada pilihan melainkan membuat keputusan untuk berhijrah keluar. Pulau yang ada di sekitarnya menyaksikan penghijrahan keluar penduduk. Himpitan dan hambatan kehidupan di pulau menyebabkan ramai penduduk pulau keluar berhijrah mempunyai kaitan kuat akibat pewartaan Pulau Tinggi dan pulau lain disekitarnya sebagai taman laut.

Jelasnya, bagi para penduduk pulau Akta Taman Laut (1985) telah memberi tekanan kepada penduduk yang selama ini bergantung kepada hasil laut sebagai sumber pencarian utama. Larangan tertentu serta hambatan undang-undang menyebabkan penduduk gagal mendapat manfaat sepenuhnya. Kesan menonjol yang dialami oleh penduduk pulau ialah kehilangan punca pendapatan yang kemudiannya mengheret bersama-sama masalah lain. Keadaan ini sudah pasti memberikan implikasi terhadap kesejahteraan dan keselesaan penduduk setempat. Keperluan terhadap keperluan meningkatkan kesejahteraan dan

keselesaan penduduk pulau jelas sepetimana yang disuarakan oleh penduduk di Pulau Aur. Mereka mahukan kemudahan awam seperti sekolah, talian telefon dan kemudahan komunikasi serta jambatan yang runtuh disegerakan bagi membolehkan lebih banyak aktiviti ekonomi boleh diselenggarakan oleh penduduk setempat.

Tanpa adanya peluang bagi penduduk pulau untuk mendapatkan sumber ekonomi yang baru, masalah ekonomi ini telah memberi kesan dalam bidang-bidang lain bagi penduduk pulau khususnya kesihatan, kesejahteraan sosial dan pendidikan. Bagi penduduk pulau yang secara tradisinya bergantung kepada sumber laut, pewartaan Akta Taman Laut dilihat seumpama menghukum mereka untuk tidak meneruskan amalan kehidupan secara tradisi. Tanpa ada peluang pekerjaan baru yang diberikan, mereka berdepan dengan cabaran besar dalam kehidupan. Temubual dengan penduduk pulau menjelaskan kekecewaan yang telah disuarakan

"kami tidak meminta taman laut, tetapi apa yang kami mahu ialah untuk anak cucu kami terus kekal di pulau ini".

Konflik Akta Perikanan 1985 (Akta 317)

Pewartaan taman laut telah membawa bersamanya aspek yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317). Di bawah akta ini terdapat sepuluh kesalahan yang telah dicatatkan di bawah seksyen berserta dengan bentuk hukuman yang dikenakan, jika ternyata berlaku kesalahan seperti yang telah dicatitkan. Jadual 1.1 menjelaskan beberapa kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) berserta denda yang akan dikenakan. Fenomena ini menimbulkan konflik antara pihak berkuasa dengan nelayan pinggir pantai yang selama ini menjalankan kegiatan perikanan secara tradisi.

Jadual 1.1 Kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317)

Bil	Seksyen	Kesalahan	Hukuman
1.	8 (a)	Mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan, mengendali atau membenar dikendalikan di Perairan Perikanan Malaysia (PPM) apa-apa vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan tanpa lesen yang sah.	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
2.	8 (b)	Melanggar apa-apa syarat dalam lesen. Contoh i) menangkap ikan di kawasan yang dilarang ii) menggunakan perkhidmatan nelayan asing dalam vesel tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan.	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
3.	11(3)(a)	Mengendalikan peralatan ikan menangkap ikan di PPM tanpa lesen	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
4.	11(3)(b)	Memiliki peralatan menangkap ikan di PPM tanpa	Seksyen 25(b) denda tidak

		lesen.	melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
5.	14 (4) (b)	Mana-mana orang yang menggunakan lesen atau permit yang dikeluarkan atas nama mana-mana orang lain di bawah Akta ini adalah bersalah melakukan sesuatu kesalahan.	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
6.	15(1)(a)	Vesel penangkapan ikan asing menangkap ikan di PPM* tanpa permit.	Seksyen 25(a) Bagi nakhoda vesel-denda tidak melebihi 1 juta. Bagi kru vesel-denda tidak melebihi RM100,000.
7.	26(1) (a)	Menggunakan atau cuba menggunakan bahan letupan,racun dan pencemar,atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus lektrik,atau alat yang dilarang bagi maksud membunuh,melali,mencacat atau menangkap ikan atau dengan apa jua cara menyebabkan ikan itu lebih senang ditangkap.	Seksyen 25(b) –denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
8.	26(1)(b)	Membawa atau mempunyai dalam miliknya atau dibawah kawalannya apa-apa bahan letupan,racun atau pencemar atau apa-apa alat yang dilarang, dengan tujuan hendak menggunakan bahan letupan,racun atau pencemar atau perkakas atau alat yang dilarang itu, bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam perenggan (a) .	Seksyen 25(b) –denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
9.	27(1)	Memancing, menganggu, mengusik, menangkap atau mengambil apa-apa mamalia akuatik atau penyu yang dijumpai di luar bidang kuasa mana-mana negeri dalam Malaysia.	Seksyen 27(4) denda tidak melebihi RM5,000.
10.	43	(1) mana-mana orang yang berada dalam taman laut atau rizab laut di PPM tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah- <ul style="list-style-type: none"> a) menangkap ikan atau cuba menangkap ikan b) mengambil, mengalih atau memiliki mana-mana haiwan akuatik atau tumbuhan akuatik atau sebahagian daripadanya,sama ada yang hidup atau mati c) memungut atau memiliki mana-mana karang, mengorek atau mengeluarkan pasir atau batu kelikir, membuat atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memausnahkan tapak pambiak-baik semulajadi atau habitat hidupan akuatik atau memusnahkan mana-mana hidupan akuatik. d) membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau 	Seksyen 25(b) denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

	<p>lain-lain binaan atas atau yang merintangi mana-mana tanah atau perairan dalam sesuatu taman laut atau rizab laut.</p> <p>e) melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa pemberat atau dengan menyangkutkan apa-apa jenis tali atau rantai, kepada mana-mana karang,batu atau lain-lain benda yang timbul atau.</p> <p>f) memusnahkan, mecacatkan atau mengalih apa-apa benda,sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, dalam taman laut atau rizab laut.</p>	
--	---	--

Nota: * PPM – perairan Perikanan Malaysia yang meliputi perairan dalaman Malaysia,laut wilayah Malaysia dan perairan kelautan yang termasuk dalam zon ekonomi ekslusif Malaysia

Kesalahan dalam sepuluh perkara tersebut telah menimbulkan konflik terhadap komuniti pulau di kawasan sekitar Mersing. Kebanyakan daripada mereka merupakan nelayan tradisi yang bergantung hidup sepenuhnya terhadap laut. Perintah kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) telah memberikan implikasi terhadap penduduk pulau. Kebanyakan daripada responden yang ditanya mereka mengakui pernah dikenakan denda oleh pasukan marin yang bertugas kerana melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Biarpun denda yang dikenakan belum pernah menccah RM20,000 namun perkara ini tetap membebankan penduduk pulau yang terbabit. Kebanyakan nelayan di sekitar pulau-pulau Mersing pernah dikenakan denda sehingga RM100. Walaupun jumlah ini tidaklah besar tetapi jika dibandingkan dengan pendapatan mereka yang kurang RM100 menyebabkan denda tersebut dianggap sebagai sesuatu yang membebangkan. Tambahan pula majoriti penduduk pulau tidak mampu untuk memiliki bot besar bagi menjalankan kegiatan menangkap ikan laut dalam. Keadaan ini mendesak mereka untuk menjalankan aktiviti menangkap hasil laut secara senyap di kawasan larangan bagi menampung kehidupan sehari-hari.

Hal ini diakui oleh beberapa orang nelayan yang menjelaskan bahawa kebanyakan nelayan pantai tidak akan turun ke laut jika sekiranya mereka mendapati terdapatnya rondaan daripada pihak marin dan taman laut. Keadaan ini menjelaskan wujudnya konflik antara nelayan kecil dengan pihak penguatkuasa yang terlibat. Mereka menjelaskan majoriti nelayan tidak berani turun ke laut selagi ada rondaan daripada pihak berkuasa kerana ada antara mereka yang tidak mempunyai lesen yang sah bagi tujuan menangkap ikan. Selain itu, ada antara mereka yang keluar menangkap ikan lebih daripada had 2 batu nautika yang telah ditetapkan bagi nelayan kecil. Mereka menyatakan sekiranya mereka menangkap ikan di kawasan yang telah dihadkan pada kebiasaanya hasil yang mereka peroleh tidak seberapa, sehinggakan hendak membayar duit minyak bot tidak mencukupi. Ini kerana mereka mendakwa yang kapal-kapal yang menggunakan pukat tunda telah mencerobahi kawasan yang kurang daripada 2 batu nautika semasa ketiadaan aktiviti rondaan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Implikasi Konflik Nelayan Kecil dengan Pengezatan Taman Laut

Pengezatan taman laut di beberapa buah pulau kecil disekitar Mersing telah menunjukkan beberapa petanda yang berkaitan dengan konflik yang dihadapi oleh penduduk setempat. Pengesahan terhadap konflik yang sedang dihadapi dapat dikesan melalui tingkahlaku

mereka yang terlibat khususnya nelayan kecil di kawasan sekitar. Oleh kerana taman laut tidak memberi apa-apa makna kepada pembangunan komuniti setempat maka wujudnya beberapa implikasi yang seharusnya diberikan perhatian yang serius. Konflik nelayan kecil memberikan implikasi terhadap beberapa perkara antaranya;

Masalah penghijrahan keluar penduduk

Hal ini telah dikesan di beberapa buah pulau di sekitar Mersing. Majoriti penduduk telah meninggalkan kediaman masing-masing untuk mencari rezeki di tanah besar Mersing. Hasil temubual dengan pegawai daripada Pejabat Daerah Mersing menjelaskan bahawa data atas kertas menunjukkan ada penduduk di pulau disekitar Mersing namun majoriti antara mereka sebenarnya telah berhijrah keluar. Mereka hanya akan balik ke pulau pada musim tertentu seperti musim perayaan. Hal ini jelas melalui pemerhatian pengkaji ke Pulau Aur. Data daripada Pejabat Daerah menunjukkan terdapat lebih daripada 100 orang isi rumah di pulau ini, tetapi setelah sampai ke pulau berkenaan majoriti nelayan kecil Pulau Aur telah berpindah ke kawasan darat Mersing, termasuklah menyertai FELDA. Keadaan ini menyebabkan Pulau Aur kelihatan kosong tanpa penghuni. Alasan untuk mereka berpindah kesukaran untuk mencari rezeki dan mendapatkan peluang pendidikan untuk anak-anak.

Masalah pengosongan pulau-pulau berpenghuni

Pulau dikawasan sekitar seperti Pulau Aur, Pulau Sibu, Pulau Balang dan beberapa buah kampung dalam pulau ini telah ditinggalkan oleh penduduk asal pulau. Kebanyakan mereka menuju ke kawasan rancangan FELDA dan juga ke pekan Mersing. Keadaan ini menyebabkan berlakunya fenomena pengosongan pulau tanpa berpenghuni. Pengosongan pulau ini menimbulkan implikasi yang besar terhadap isu keselamatan pulau tersebut. Dibimbangi kawasan ini akan dijadikan tempat perteduhan lanun mahupun kapal warga asing jika terus dibiarkan kosong tanpa penghuni. Malahan, perkara ini telah diakui sendiri oleh beberapa penduduk yang menjelaskan apabila musim tengkujuh dan ombak besar, terdapat nelayan asing yang berteduh di rumah-rumah yang ditinggalkan oleh penduduk pulau. Tambahan pula laporan daripada Jabatan Marin menjelaskan terdapat beberapa kes yang telah direkodkan berhubung dengan kes lanun dan sebagainya di kawasan sekitar perairan Mersing. Jika keadaan ini dibiarkan dibimbangi penduduk yang sedia ada akan merasa takut untuk kembali ke kampung halaman mereka.

KESIMPULAN

Apa yang penting dalam kertas ini adalah untuk menarik perhatian umum bahawa konflik antara nelayan dengan taman laut telah lama berlaku. Justeru, perhatian serius oleh pihak berkenaan harus diberi dalam hal ini bagi menjamin nelayan di pulau-pulau di sekitar Mersing ini kelak dapat terus meneruskan kehidupan mereka sebagai nelayan pantai. Apa yang lebih digusari di sini ialah jika isu nelayan kecil ini tidak dibendung dengan pantas, pastinya akan membawa kepada implikasi yang besar terhadap kehidupan penduduk setempat khususnya di kawasan pulau.

Konflik penduduk dengan pengezatan taman laut menjadi semakin rumit apabila wujudnya matlamat yang berbeza antara kedua belah pihak. Di suatu pihak pengezatan

taman laut bertujuan menjaga ekosistem marin yang ada. Sedangkan di suatu pihak yang lain pengezatan taman laut diharap dapat melindungi kerja-kerja penangkapan mereka daripada nelayan yang menggunakan pukat tarik. Namun kehampaan penduduk dengan peruntukan yang sedia ada di kawasan yang telah digazetkan tidak dapat disembunyikan lagi apabila sebahagian besar penduduk bertindak berhijrah keluar sehingga mewujudkan fenomena pengosongan pulau yang dulunya berpenghuni. Justeru itu pindaan terhadap isu rekabentuk taman laut bagi pulau yang berpenghuni juga perlu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa. Pindaan kelonggaran syarat yang berkaitan dengan keperluan pengisytiharan taman laut bagi pulau berpenghuni dengan pulau tanpa penghuni perlu diletakkan dalam 2 garis panduan yang berbeza. Hal ini perlu agar penduduk yang telah lama menghuni dan mendiami sebuah pulau tidak mengalami masalah seperti depopulasi dan sebagainya. Hal ini perlu agar pembangunan yang dicadangkan mewujudkan situasi menang-menang bukan sahaja kepada penduduk malah kepada kawasan sekitar yang hendak dipelihara.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (EKOMAR, FST UKM); dan Pejabat Daerah Mersing yang menganjurkan XPDC Penyelidikan Pantai Timur Johor Siri Ketiga. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penduduk Pulau Aur,Kg. Mersing Kanan dan Kg. Seri Bhagia, Mersing di atas kerjasama yang diberikan sewaktu kerja lapangan ini dijalankan.

RUJUKAN

- Azima Abdul Manaf, Mohd Samsuddin, Mustaffa Omar, 2011. Kesan Pewartaan Taman Laut Ke Atas Penduduk Pulau Tinggi, Mersing, Johor. *Journal of Tropical Marin Ecosystem* **1**, 35-43.
- Akta Perikanan, 1985. Kementerian Penerangan Malaysia.
- Laman Web Pejabat Daerah Mersing, Johor - <http://www.johordt.gov.my/pdmersing> (diakses pada 26 April 2009).
- Ballantine, B., 1999. *Marine Reserves in New Zealand: The Development of the Concept and the Principles*, Marine Conservation for the New Millennium, Korean Ocean Research and Development Institute, Cheju Is.
- Cinner, R., 2003. *A comparative study on marine protected areas between Australia and Tanzania*. The Nippon Foundation Fellow. United Nation.
- Hewstone, M., Cairns, E., 2001. *Social Psychology and intergroup conflict*. Washington D.C: American Psychological Association.
- Ngugi, I., 2002. Economic Impact of Marine Protected Areas: A Case Study of Mombasa Marine Park (Kenya). *Journal of Social Sciences Graduate Student Association* **1**. Marine Science Development in Tanzania and Eastern Africa, University of Texas, Dallas.

- Indab, J.D., Suarez-Aspilla., 2004. *Community-based marine protected areas in the Bohol (Mindanao) Sea, Philippines*. Volume 27 (1). Center Research and Environmental Management : University Angelo King Center.
- Klandermans, B., 1997. *The social psychology of protest*. Oxford,U.K: Blackwell.
- Mustaffa Omar, Marsitah Mohd Radzi, Mohd Nasir Selamat, Azima Abdul Manaf, Mohd. Shamsudin , Nor Jana Saim, 2011. Faktor Penentu dan Implikasi Fenomena Depopulasi Komuniti. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* **1**, 22-34.
- Nick, S., Bridgid. I., 2003. Matching marine reserves design to reserves objectives. *The Royal Society* **270**, 1871-1878. Department of Ecology, Evolution and Marine Biology, University of California, Santa Barbara, USA.
- Oberschall, A., 1973. Social conflict dan social movements. Englewood Cliftt NJ: Prentice Hall.
- Pomeroy, S., Parks, J.E., Watson, L.M., 2004. How is your MPA doing? A guided book of natural and social Indicator for evaluating Marine Protected Area Management Effectiveness. IUCN Publication Services Unit. UK.
- Sanchirio, J.N., Cochran, K.A., Peter M. E., 2002. *Marine Protected Areas: Economic and Social Implication*. Resources for The Future. Washington.